

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA  
SEMPENA  
MAJLIS PELANCARAN  
SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2021  
PADA 18 MEI 2021  
DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

---

**\*\*[senarai salutasi akan disediakan oleh Bahagian Komunikasi  
Korporat (BKK) JMM]**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Puan-Puan dan Tuan-Tuan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayah-Nya, dapat kita bersama pada hari ini dalam **Majlis Pelancaran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2021**.

1) Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan kehadiran semua termasuk yang menonton siaran program ini secara penstriman langsung. Terima

kasih kerana sentiasa memberi sokongan padu terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atau MOTAC, serta jabatan dan agensi di bawahnya. Mengambil kesempatan tarikh 6 Syawal pada hari ini, saya ingin mengucapkan **"SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF ZAHIR DAN BATIN"** kepada semua muslimin dan muslimat.

3) Setinggi penghargaan dan syabas saya ucapan kepada Jabatan Muzium Malaysia atau JMM kerana gigih dan tabah menjayakan inisiatif secara maya dalam norma baharu, walaupun suasana amat mencabar, ini bukan penghalang dalam melaksanakan tugas kita.

Hadirin hadirat yang dihormati,

4) Secara keseluruhannya, jumlah muzium di Malaysia kini adalah sebanyak dua ratus tiga puluh enam (236) buah di mana, secara spesifiknya, hanya dua puluh dua (22) buah daripadanya muzium adalah di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia. Walau bagaimanapun, masih ramai yang tidak mengetahui tahu bahawa TIDAK SEMUA muzium di negara ini terletak di bawah MOTAC, menerusi JMM. Ini kerana terdapat muzium, galeri atau memorial terletak secara langsung di bawah pengurusan dan pentadbiran muzium negeri, Kerajaan Negeri, institusi serta agensi, swasta mahupun persendirian. Namun, kesemua hal ehwal muzium-muzium berkenaan berada di bawah pemerhatian dan pemantauan MOTAC melalui JMM.

5) Untuk makluman semua, MOTAC sentiasa komited dan menyokong penuh segala program mahupun aktiviti di bawah Sektor Pelancongan dan

Kebudayaan yang dilaksanakan oleh setiap jabatan serta agensi di bawah Kementerian ini. MOTAC juga telah meluluskan beberapa jenis bantuan kepada muzium-muzium di Malaysia seperti:

- i. Bantuan kepada muzium-muzium Negeri;
- ii. Projek Pemerksaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Tahun 2021 di bawah Sektor Kebudayaan MOTAC; dan
- iii. Projek-projek yang telah diluluskan di bawah Program Pemerksaan (yang melibatkan hal-hal penyelenggaraan bangunan)

6) Komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membantu muzium di bawah Kerajaan Negeri adalah berterusan dan konsisten. Pada tahun 2020, MOTAC telah meluluskan hampir lapan ratus ribu ringgit kepada tiga buah Muzium Negeri di bawah Projek Penyelenggaraan Kemudahan Pelancongan Termasuk Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak atau Bangunan Warisan. Manakala pada tahun ini, Kerajaan Persekutuan menerusi MOTAC telah menyalurkan peruntukan kepada beberapa buah Muzium Negeri di bawah peruntukan pembangunan yang diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama (RP1), RMKe-12 Tahun 2021. Sehingga kini, sebanyak dua perpuluhan tiga tujuh juta ringgit (RM2.37 juta) telah diluluskan kepada enam buah muzium untuk penyelenggaran kemudahan atau infrastruktur. Di samping itu, MOTAC juga telah meluluskan sebanyak satu perpuluhan lapan tiga juta ringgit (RM1.83 juta) kepada tiga buah muzium di bawah peruntukan Pemerksaan Sektor Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Tahun 2021.

- 7) Ini termasuklah kerja-kerja konservasi dan restorasi bangunan dan penyelenggaraan kemudahan pelancongan yang menjadi bukti keprihatinan pihak kerajaan dalam memastikan muzium-muzium kita sebagai penjaga khazanah ketamadunan negara, terus berada dalam keadaan yang kondusif untuk dikunjungi.
- 8) MOTAC terus komited bekerjasama dengan seratus tiga (103) buah muzium yang berada di bawah Kerajaan Negeri dalam memperkayakan pengalaman pengunjung. Ini dapat dilihat menerusi sejumlah peruntukan di bawah Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Lembaga Muzium Negeri. Sejak tahun 2014 sehingga tahun 2020, hampir dua ratus lapan puluh juta (RM279,448,869) telah disalurkan kepada Muzium-Muzium Negeri menerusi JMM. Manakala untuk tahun 2021, MOTAC telah meluluskan penyaluran pertama sebanyak dua puluh perpuluhan dua lima juta ringgit (RM20.25 juta).

Puan-Puan dan Tuan-Tuan sekalian,

- 10) Sebagaimana anda semua sedia maklum, tahun ini merupakan tahun yang ke-25 penganjuran Hari Muzium Antarabangsa diadakan sejak ia pertama kali disambut di peringkat Kebangsaan pada tahun 1997. Di bawah Sektor Kebudayaan MOTAC, setiap jabatan dan agensi mempunyai satu tarikh keramat yang akan diisytiharkan sebagai hari istimewa bersama masyarakat. Jika Perbadanan Kemajuan Kraftangan terkenal dengan Hari Kraf Kebangsaan, Arkib Negara gah dengan Hari Arkib Sedunia, Jabatan Muzium Malaysia pula masyhur dengan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa. Hari Muzium Antarabangsa ini bukan sekadar sinonim sebagai sambutan tradisi yang menjadi kenangan, tetapi

seharusnya dihargai kerana memperlihatkan peranan, tanggungjawab dan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun menerusi muzium-muzium di bawah pentadbirannya yang berganding bahu serta bergerak bersama dengan Persatuan Muzium Malaysia dan muzium-muzium negeri, malah bersama muzium, galeri atau memorial milik institusi, agensi, swasta serta persendirian.

11) Bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang dibawakan oleh International Council of Museums (ICOM) pada tahun 2021 ini iaitu, **THE FUTURE OF MUSEUMS: RECOVER AND REIMAGINE (MASA HADAPAN MUZIUM: PEMULIHAN DAN PENCITRAAN)**, secara dasarnya menyeru golongan profesional dan komuniti muzium untuk bersama-sama berganding bahu bangkit dengan amalan baharu. Ia berdasarkan penciptaan nilai dan model perniagaan baharu bagi institusi budaya serta penyelesaian inovatif untuk cabaran sosial, ekonomi dan persekitaran masa kini. Kita juga tidak seharusnya melihat krisis global ini sebagai penghalang, sebaliknya pemangkin sebuah inovasi penting yang sudah berlangsung, terutama peningkatan fokus pada pendigitalan dan penciptaan serta satu bentuk pengalaman budaya baharu.

12) Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, 2020 menyaksikan krisis COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia, mempengaruhi setiap aspek kehidupan kita. Muzium tidak terkecuali daripada perubahan ini dan sektor budaya adalah antara yang paling terjejas dengan kesan ekonomi, sosial dan psikologi yang serius dalam tempoh jangka pendek mahupun jangka panjang. Namun begitu, ia adalah penting kepada masyarakat dunia dan muzium perlu bersiap siaga menerimanya dan memimpin perubahan.

Sekarang masanya kita, bereksperimen dengan model kebudayaan baharu dan hibrid serta menegaskan kembali nilai penting muzium untuk pembinaan masa depan yang adil dan lestari. Kita mesti bersedia memperjuangkan potensi kreatif budaya sebagai pemacu pemulihan dan inovasi pada era pasca COVID!

13) Saya juga berasa bahawa tema ini sangat bertepatan dengan fenomena global yang dihadapi oleh negara pada ketika ini, di mana rakyat telah dididik untuk hidup dalam era norma baharu. Malah, dengan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang diperkenalkan kepada jabatan mahupun agensi Kerajaan, saya berharap muzium-muzium di Malaysia dapat mengambil peluang menerusi Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang telah dibangunkan bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

Hadirin dan Hadirat,

14) Saya yakin, Jabatan Muzium Malaysia khususnya, dan semua institusi permuzuman di Malaysia boleh menjadi lebih dinamik dan progresif setara dengan muzium-muzium di dunia, berpaksikan kepada Dasar-Dasar Utama Kerajaan dan Dasar Perkhidmatan Awam. Pemantapan tadbir urus, kepatuhan intergriti yang konsisten dan ketangkasan penjawat yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah perlu untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, menyalurkan sumbangan dan menggerakkan Negara ke hadapan serta menjaga imej Negara melalui platform seni, budaya dan alam

semula jadi, sekaligus menjadikan muzium terus relevan dan diterima masyarakat.

15) Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **SELAMAT MENYAMBUT HARI MUZIUM ANTARABANGSA** kepada seluruh warga permuziuman di Malaysia.

16) **Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan rasa penuh kesyukuran, melancarkan SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2021 pada tanggal 18 MEI 2021, BERSAMAAN 6 SYAWAL TAHUN 1442 HIJRAH.**

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah.

Wassalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.